

Kunjungan temui pemimpin negara2 Asean Mahathir lawat Thai dua hari

BANGKOK, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan tiba di sini Ahad ini untuk lawatan rasmi dua hari, menurut seorang pegawai Kementerian Luar Thai hari ini.

Perdana Menteri, yang membuat lawatan pertama sejak mengambil alih teraju pemerintahan, telah pun melawat Indonesia dalam siri kunjungannya menemui para pemimpin negara Asean.

Bellau akan ditemani oleh Datin Seri Dr. Siti Hasmah dan satu rombongan termasuk Menteri Luar Tan Sri Ghazali Shafie, Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Dri Ghazali Seth dan Ketua Polis Negara Tan Sri Hanif Omar.

Datuk Seri Dr. Mahathir, yang akan diberi sambutan rasmi di Lapanganterbang Dong Muang di sini, akan mengadakan rundingan dengan Perdana Menteri, Jeneral Prem Tinsulanond.

Perbincangan mereka di-

jadualkan petang ketibaannya di pejabat Jeneral Prem di rumah kerajaan di sini.

Kedua-dua Perdana Menteri itu diduga akan menumpukan perbincangan mereka bersangkutan dengan hal-hal kepentingan dua hala dan serantau.

Kurniaan tertinggi

Juga dijangka menjadi tajuk perbincangan mereka ialah soal kedudukan di Kampuchea, memandangkan sidang Bangsabangsa Bersatu yang akan datang ini, Malaysia dan Negeri Thai serta negara-negara Asean lain diduga akan mengespalai usah-usaha Moscow-Hanoi mempertahankan regim Heng Samrin di Phnompenh di sidang itu.

Para pegawai berkata perbincangan itu akan memberi kesempatan kepada kedua-dua Perdana Menteri merapatkan lagi hubungan antara satu sama lain.

Lawatan terakhir Jeneral Prem ke Kuala Lumpur sejurus selepas bellau memegang jawatannya awal tahun lalu sementara lawatan terakhir Datuk Seri Dr.

Mahathir ke sini ialah ketika menghadiri sidang para Menteri Ekonomi Asean dalam bulan Oktober lalu sewaktu bellau masih Timbalan Perdana Menteri.

Perbincangan di rumah kerajaan itu akan diikuti dengan satu upacara penyampalan kurniaan tertinggi Thai kepada Perdana Menteri.

Malamnya Jeneral Prem akan meraikan tetamu dari Malaysia itu di rumah kerajaan.

Pada hari Isnin, Datuk Seri Dr. Mahathir akan melawat beberapa tempat masyhur di Ibukota ini sebelum menghadiri makan tengah hari di Kelab Wartawan Asing. Perdana Menteri dijangka akan berucap di majlis tersebut dan menjawab pertanyaan-pertanyaan para wartawan.

Tidak ada sidang akhbar diaturkan untuk Datuk Seri Dr. Mahathir kerana bellau akan terbang terus ke Wilayah Narathiwat selepas jamuan itu untuk mengadap Raja Bhumiopol.

Dari Narathiwat, Perdana Menteri akan pulang ke Kuala Lumpur. — Bernama.